

# Debat Ekonomi 2018: Mahasiswa cakna kepada pembangunan negara

UB 24.5.2018 B2

KOTAKINABALU: Kelab Ekonomi Perancangan dan Pembangunan (HE05), Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) Universiti Malaysia Sabah Program Debat Ekonomi 2018 pada 7 dan 8 Mei lepas.

Ahli jawatankuasa yang terlibat terdiri daripada pelajar Tahun 3 iaitu seramai 24 orang manakala 23 orang yang lain terdiri daripada pelajar Tahun 1 dan Tahun 2.

Disamping itu, ia juga turut disertai oleh para peserta debat yang terdiri daripada pelajar UMS induk Kota Kinabalu dan UMS Kolej Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Program ini dilaksanakan di UMS KK iaitu di Perpustakaan UMS KK pada hari pertama manakala untuk hari kedua pula ia berlangsung di Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP).

Pensyarah program Kelab Ekonomi Perancangan dan Pelancongan (HE05) juga menghadirkan diri dalam majlis dan sekaligus merasmikan program berkenaan.

Dalam pada itu, antara juri yang terlibat dalam program debat ini adalah Hajah Asmiah Ajamain, Jass Azliezan Jasili, Harliana Mohd Arifin, Hartini Asimin, Aida Mohd Rosli, Morlida Hj Abdullah, Norain Abd Razak dan Mohd Mesqrik Zuleamee Moksini.

Tujuan program ini dijalankan adalah untuk memupuk semangat



**JOHAN** pertandingan debat dimenangi oleh kumpulan KBDM A.

kerjasama dalam kalangan mahasiswa mahasiswi semasa menjalankan program itu dengan memberi peluang kepada mahasiswa UMS untuk menonjolkan bakat yang terpendam dalam diri mereka dan membuka peluang kepada mahasiswa mahasiswi untuk memperbaiki kemahiran sosial dalam diri mereka.

Dalam pada itu, program ini juga bertujuan memberi ruang dan peluang kepada para pelajar menggunakan saluran yang ada untuk menyumbangkan idea-idea bernas mereka tentang isu semasa terkini.

Menurut Pengarah Program Nur Hidayah Taulani, terdapat banyak cabaran yang dihadapi dalam menjayakan program ini.

Namun katanya kekangan bajet dalam program ini berjaya diatasi dengan bantuan daripada Unit Tajaan dan AJK yang terlibat.

Usahadansusahpayah Unit Tajaan dan Majlis Tertinggi Program menyebabkan program ini mendapat tajaan daripada Cafe Kolej Kediaman Tun Mustapha, McDonald, Café Bumi Jaya, The Bloom Factory, Uncle Bob Kg. E, Youths Today, F&N Beverages dan sejumlah wang tunai yang diperolehi daripada derma ikhlas orang ramai.

"Komitmen dan gerak kerja setiap unit juga sangat pantas dan baik," katanya sambil melahirkan penghargaan atas komitmen setiap AJK yang terlibat.

Dengan komitmen itu segala kekegandahan halangan berjaya diatasi. Selain itu, program ini juga mendapat pujian daripada juri kerana ia dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan dapat mencungkil bakat yang ada dalam diri para peserta. Malah program ini juga mendapat komen yang baik daripada perasmis program.